



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

## SIARAN MEDIA

### MAJLIS PERASMIAN TAYANGAN FILEM KITA – SABAH MENYAMBATU KEPELBAGAIAN

**SERDANG, 8 Disember 2024** – YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara telah menyempurnakan Perasmian Tayangan Filem KITA – Sabah Menyambut Kepelbagaian anjuran Gabungan Bertindak Malaysia (GBM) dengan kerjasama Sabah Unity In Diversity (SUICDP) dan Gabungan Pertubuhan Cina Malaysia (Huazong). Program telah diadakan di Auditorium Tan Sri Dato' Paduka Koo Yuen Kim JP, Wisma Huazong, Lebuhraya Sungai Besi, Serdang hari ini.

Filem yang bertemakan semangat kenegaraan ini merupakan sebuah karya istimewa yang menggambarkan keunikan dan keindahan Sabah sebagai sebuah negeri yang menyatukan kepelbagaian budaya, agama, dan bahasa di bawah satu bumbung Malaysia. Seni perfileman adalah medium yang sangat berkuasa dalam menyampaikan mesej perpaduan dan kasih sayang yang disampaikan secara kreatif, menyentuh emosi, dan merapatkan jurang antara generasi.

YB Datuk Aaron Ago Dagang dalam ucapannya berkata, “Saya percaya bahawa filem ini bukan sahaja menghiburkan, tetapi juga mendidik kita tentang nilai-nilai perpaduan dan toleransi. Ia membawa mesej bahawa kita, sebagai rakyat Malaysia, perlu sentiasa menghormati perbezaan dan mencari titik persamaan untuk maju ke hadapan sebagai sebuah bangsa Malaysia”.

“Saya menyeru rakyat Malaysia, khususnya generasi muda, untuk belajar menghargai kepelbagaian ini sebagai satu kekuatan. Marilah kita bergerak ke hadapan dengan semangat KITA – sebuah masyarakat yang bersatu walau berbeza, serta sebuah bangsa Malaysia yang menghormati kepelbagaian. Saya berharap lebih ramai pembuat filem, seniman, dan penggiat seni akan tampil menghasilkan karya-karya yang mampu menyemarakkan semangat perpaduan dan patriotisme”.

**Kementerian Perpaduan Negara**

8 Disember 2024